
MANUAL PENYELARASAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

1.0 DASAR PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

PBS di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) terdiri daripada 5 bentuk iaitu:

- a) Projek
- b) Kerja Kursus
- c) Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS)
- d) Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS)
- e) Modul

Matlamat kurikulum bahasa sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian. Matlamat ini diukur di peringkat sekolah dalam bentuk Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) dan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah ini bertujuan memenuhi matlamat pendidikan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang memberi penekanan yang serius terhadap kemahiran bahasa yang empat iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Melalui instrumen ini kemahiran-kemahiran tersebut khususnya kemahiran mendengar dan bertutur dapat dipertingkatkan. Ini dapat melahirkan generasi yang celik bahasa Al-Quran dan mampu menggunakannya dalam komunikasi.

Pendidikan Sejarah bermatlamat untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Sebahagian dari matlamat ini diukur dalam bentuk PBS apabila murid terlibat secara langsung dalam menghasilkan projek-projek kerja kursus Sejarah di sekolah yang mana, melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan, murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia.

Kurikulum Geografi membolehkan murid memahami fenomena geografi berfokus kepada negara Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara lain supaya dapat melahirkan murid berilmu, bertanggungjawab, bersyukur dan mengenali serta mencintai negara Malaysia. Seperti pendidikan Sejarah, sebahagian matlamat ini , diukur semasa murid melaksanakan projek PBS.

Kurikulum Sains untuk sekolah menengah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sains dan teknologi dan mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran ini berlandaskan sikap saintifik dan nilai murni untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian. Justeru, murid mempunyai landasan sains dan teknologi untuk melanjutkan pelajaran di samping mengamalkan budaya sains dan teknologi ke arah pembentukan masyarakat bersifat ikram, dinamik, progresif, bertanggungjawab terhadap alam sekeliling dan mengagumi penciptaan alam.

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara. Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang melibatkan Tilawah & Hafazan serta Pemerhatian Adab & Akhlak Islamiah merupakan alat pengukuran bagi sebahagian matlamat Pendidikan Islam.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) bermatlamat untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian. Modul-modul kerja kursus KHB yang perlu dilaksanakan oleh semua murid menjadi alat pengukuran dalam PBS.

Oleh itu boleh disimpulkan bahawa Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan satu lagi cabang yang membolehkan murid ditaksir menggunakan pengukur-pengukur yang disediakan sejajar dengan matlamat setiap mata pelajaran.

Senarai Mata Pelajaran PBS di Peringkat Penilaian Menengah Rendah

Bil	Mata Pelajaran	Kod
1	Sejarah	21/2
2	Geografi	23/2
3	Bahasa Arab Komunakasi	31/2
4	Pendidikan Islam <ul style="list-style-type: none"> - Tilawah & Hafazan - Adab - Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) 	45/2
5	Sains <ul style="list-style-type: none"> - Pentaksiran Kerjaq Amali 	55/3
6	Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) <ul style="list-style-type: none"> - Kemahiran Teknikal 	76/2
7	Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) <ul style="list-style-type: none"> - Ekonomi Rumah Tangga 	77/2
8	Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) <ul style="list-style-type: none"> - Pertanian 	78/2
9	Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) <ul style="list-style-type: none"> - Perdagangan dan Keusahawaan 	79/2
10	Bahasa Melayu <ul style="list-style-type: none"> - Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) 	-
11	Bahasa Inggeris <ul style="list-style-type: none"> - Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) 	-

2.0 DEFINISI

Penyelarasan ialah satu proses untuk memastikan pentaksiran PBS dilaksanakan dengan cara yang betul dan seragam dari segi kefahaman peraturan penskoran, penggunaan peraturan penskoran dan pemberian skor.

Selain menyeragamkan skor, penyelarasan juga ialah satu proses penyeragaman alat, bahan dan situasi mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk menghasilkan skor yang terselaras.

3.0 OBJEKTIF

- Memastikan penyelarasan dilaksanakan dengan adil, sah dan amanah mengikut prosedur yang ditetapkan
- Menentukan skor pentaksir dilakukan mengikut kriteria yang ditetapkan.
- Menentukan ketekalan skor.

4.0 KAEDAH PENYELARASAN

Pentaksiran proses :

Proses penyeragaman skor, alat, bahan dan situasi **semasa** calon melakukan tugas/aktiviti.

Pentaksiran produk :

Proses penyeragaman skor, alat, bahan dan situasi selepas calon menjalankan tugas/aktiviti.

Pentaksiran proses dan produk :

Proses penyeragaman skor, alat, bahan dan situasi semasa dan selepas calon melakukan tugas /aktiviti.

5.0 PROSEDUR PENYELARASAN

5.1 Penyelarasan yang melibatkan pentaksiran proses

- 5.1.1 Pentaksir menyediakan kumpulan calon kompeten dan belum kompeten manakala penyelarasan memilih sample calon yang mewakili kumpulan tersebut.

- 5.1.2 Pentaksiran dilakukan oleh pentaksir dan penyalaras luar secara berasingan pada masa calon melaksanakan tugas.
- 5.1.3 Penyalaras luar membandingkan skor yang telah diberikannya dengan skor pentaksir.
- 5.1.4 Jika ada perbezaan skor, bimbingan diberi kepada pentaksir bagi mendapatkan kesefahaman kriteria yang ditetapkan dan boleh menskor dengan betul.
- 5.1.5 Skor penyalaras luar adalah muktamad.

5.2 Penyalarsan yang melibatkan pentaksiran produk

- 5.2.1 Penyalaras luar memilih sampel evidens calon yang mewakili kumpulan kompeten dan belum kompeten.
- 5.2.2 Pentaksiran dilakukan oleh penyalaras luar pada sample evidens calon.
- 5.2.3 Penyalaras luar membandingkan skor yang telah diberikan dengan skor pentaksir.
- 5.2.4 Jika ada perbezaan skor, bimbingan diberi kepada pentaksir bagi mendapatkan kesefahaman kriteria yang ditetapkan dan boleh menskor dengan betul.
- 5.2.5 Skor penyalaras luar adalah muktamad.

5.3 Pemilihan Sampel

Memilih 10 sampel evidens calon atau sampel calon mengikut tahap pencapaian (kompeten dan belum kompeten).

5.4 Kaedah Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel boleh dilakukan dengan dua cara iaitu:

5.4.1 Semua sampel evidens calon atau sample calon ditaksir berasaskan satu konstruk/elemen

5.4.2 Setiap sample evidens calon atau sample calon ditaksir berasaskan beberapa konstruk/elemen yang berlainan.

5.5 Kaedah Penyelarasan Skor Proses atau Produk

Salah satu kaedah ini digunakan mengikut mata pelajaran

5.5.1 Skor muktamad adalah Purata Skor

5.5.2 Skor muktamad adalah skor pentaksir bagi konstruk/elemen/nilai/sikap

5.5.3 Skor muktamad adalah Skor Penyelarasan(PK/PN/KPKw/PKw)

5.5.4 Skor muktamad berdasarkan graf regrasi yang didapati daripada skor pentaksir dan skor penyelarasan

6.0 Jadual Penyelarasan

FASA	BULAN	TINGKATAN YANG DIPANTAU
1	April hingga Oktober	Tingkatan 1 dan 2
2	April dan Julai	Tingkatan 3

Kekerapan Penyelarasan


Tiap-tiap seorang Pentaksir mestilah diselaras oleh Penyelaras sama ada oleh Penyelaras Dalaman atau Penyelaras Luaran satu kali- per mata pelajaran - per tahun

7.0 PENYELARAS KEBANGSAAN, NEGERI DAN KAWASAN

7.1 KRITERIA PELANTIKAN KETUA PENYELARAS KEBANGSAAN, NEGERI DAN PENYELARAS KAWASAN

- 7.1.1 Berjawatan tetap dan disahkan dalam jawatan
- 7.1.2 Telah/sedang mengajar mata pelajaran berkaitan
- 7.1.3 Telah menghadiri kursus pentaksiran dan ditauliah oleh LPM
- 7.1.4 Pakar dalam Sistem Pentaksiran
- 7.1.5 Berpengetahuan tentang konsep dan prosedur penskoran
- 7.1.6 Mempunyai kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis
- 7.1.7 Mempunyai sifat berterus terang dan jujur.
- 7.1.8 Sifat ingin membantu Bersikap positif, tegas dan berfikiran terbuka
- 7.1.8 Terlatih dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran

8.0 CARTA ALIR PROSES KERJA PENYELARASAN



9.0 CARTA ALIR PROSES PENYELARASAN SKOR

